

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 67

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan laporan kejayaan program pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah lama bagi penduduk di luar bandar dan jumlah rumah rakyat yang telah dibina di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha bagi memastikan akses kepada perumahan berkualiti di luar bandar dapat dinikmati oleh semua rakyat dan ia merupakan elemen penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan pembangunan modal insan yang baik.

Dalam konteks perumahan di luar bandar, Kementerian ini memberi fokus kepada program bantuan rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar sebagai salah satu mekanisme pembasmian kemiskinan luar bandar. Ia bagi memastikan kumpulan sasar ini dapat menikmati kediaman yang selamat dan selesa serta dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

Bagi tempoh mulai 2016 sehingga 2018 dalam Rancangan Malaysia ke 11, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM879.5j. Dengan peruntukan ini, sebanyak 5,703 bantuan bina baharu rumah dan 30,485 bantuan baik pulih rumah berjaya

NO. SOALAN : 67

dilaksanakan. Bantuan ini telah memberi manfaat kepada kira-kira 180 ribu ahli isi rumah seluruh negara.

Manakala bagi tahun 2019, sebanyak RM200j diperuntukkan dengan sasaran 1,224 bantuan bina baharu dan 7,354 bantuan baik pulih rumah. Jumlah peruntukan ini dianggarkan dapat dinikmati oleh 43 ribu penerima manfaat.

Skop bantuan rumah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hanya memberi fokus kepada kawasan luar bandar sahaja manakala bagi perumahan rakyat di kawasan bandar, ia adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mendapatkan input daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenai program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga Jun 2019, sebanyak 135 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan 89,024 unit rumah PPR telah siap dibina di seluruh negara. Projek-projek PPR ini telah dibina bagi memenuhi keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) di kawasan bandar dan pinggir bandar di negara ini.